




KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

BUKU PANDUAN

Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal (Usus Besar) dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN

Oleh:
Unit Kanser (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia





Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh:

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya
62590 Putrajaya

<http://www.moh.gov.my>

Edisi 1, 2021

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| EDITORS | 1 |
| CONTRIBUTORS..... | 1 |
| 1 PENGENALAN..... | 1 |
| 2 OBJEKTIF AKTIVITI | 2 |
| 2.1 Objektif Umum | 2 |
| 2.2 Objektif Khusus | 3 |
| 3 KAEDAH PELAKSANAAN | 3 |
| 3.1 Kriteria pemilihan sukarelawan | 3 |
| 3.2 Kaedah pelaksanaan aktiviti..... | 3 |
| 3.2.1 Persediaan dan perancangan sebelum latihan (secara bersemuka) | 4 |
| 3.2.2 Bahan dan panduan diperlukan..... | 5 |
| 3.2.3 Taklimat dan Latihan | 5 |
| 3.2.4 Pelaksanaan saringan dan pengesanan awal kanser kolorektal..... | 6 |
| 3.3 Carta Alir Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal Dalam Kalangan Sukarelawan KOSPEN | 8 |
| 4 PERANAN..... | 8 |
| 4.1 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)..... | 8 |
| 4.2 Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan (PKD/PKK/PKB)..... | 8 |
| 4.2.1 Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal PKD/PKK/PKB . | 8 |
| 4.2.2 Pegawai iNCD | 9 |
| 4.3 Klinik Kesihatan (KK) / Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal KK..... | 9 |
| 5 RETEN..... | 10 |
| 5.1 Reten PKD/PKB/PKK..... | 10 |
| 5.2 Reten JKN..... | 10 |
| 6 SASARAN..... | 11 |
| 7 RUJUKAN | 11 |
| 8 LAMPIRAN..... | 12 |

EDITORS

1. Dr Nor Saleha Ibrahim Tamin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Unit Kanser, Cawangan NCD
Bahagian Kawalan Penyakit
2. Dr Siti Norain binti Sallahuddin
Pegawai Perubatan
Unit Kanser, Cawangan NCD
Bahagian Kawalan Penyakit

CONTRIBUTORS

1. Dr Rosnah binti Ramly
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam
Ketua Sektor CVD/DM/Kanser,
Cawangan NCD
Bahagian Kawalan Penyakit
2. Dr Kulvinder Singh
Ketua Penolong Pengarah
(iKOMM)
Cawangan NCD
Bahagian Kawalan Penyakit
3. Dr Noor Hashimah binti
Abdullah
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam
Pegawai Epid NCD
Jabatan Kesihatan Negeri
Kelantan
4. Dr Norrina binti Isa
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam
Pegawai Epid NCD
Jabatan Kesihatan Negeri
Perak
5. Dr Nirmal Kaur
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam
Pegawai Epid NCD
Jabatan Kesihatan Negeri
Sabah
6. Dr Asyaari
Pegawai Perubatan (NCD)
Jabatan Kesihatan Negeri
Sarawak

1 PENGENALAN

Menurut *Malaysia National Cancer Registry (MNCR) 2012-2016*, secara keseluruhan, kanser kolorektal merupakan kanser kedua paling kerap berlaku di Malaysia (13.5%) selepas kanser payudara (19%). Kanser kolorektal boleh dicegah (*highly preventable*) dan dirawat dengan efektif jika dikesan pada peringkat awal. Ini boleh membawa kepada penurunan kadar kematian akibat kanser kolorektal.

Pengesanan awal kanser kolorektal adalah penting kerana kanser yang dikesan pada peringkat awal boleh dirawat dengan lebih baik dan berkesan berbanding sekiranya dikesan lewat.

Kanser kolorektal merupakan salah satu kanser yang boleh dikesan awal melalui ujian saringan. Menurut MNCR 2012-2016, peratus pesakit yang dikesan pada tahap 3 dan 4 telah meningkat berbanding pada tahun 2007-2011 iaitu masing-masing dari 66% dalam kalangan lelaki dan 65% dalam kalangan wanita kepada 72.4% dan 73.1%.

Pengesanan awal dilakukan dengan;

- i. mengenal pasti tanda dan gejala yang dialami diikuti dengan mendapatkan pemeriksaan lanjut di klinik atau hospital;
- ii. melakukan saringan (bagi yang tidak mengalami gejala).
 - menjalani prosedur kolonoskopi bagi golongan bersiko tinggi (high-risk) / sederhana tinggi (moderate-risk) contoh; mempunyai ahli keluarga terdekat pernah disahkan menghidap kanser
 - melakukan ujian *immunological Faecal Occult Blood Test (iFOBT)* bagi golongan yang berisiko separa sederhana (average risk) iaitu berumur 50-75 tahun dan tidak mengalami sebarang gejala.

Perkhidmatan saringan kanser kolorektal menggunakan iFOBT telah disediakan di klinik-klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 2014. Kadar liputan saringan di bawah KKM adalah kurang dari 1% dari jumlah penduduk yang Malaysia yang layak disaring. Anggaran penduduk Malaysia berumur 50-75 tahun adalah lebih dari 5.5 juta. Kajian *National Health Morbidity Survey* (NHMS) 2019 mendapati liputan saringan adalah 10.8%. Ini menunjukkan ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang menjalankan ujian saringan di fasiliti kesihatan swasta dan NGO.

Objektif saringan dan pengesanan awal kanser kolorektal adalah untuk:

- mengesan ketumbuhan pra-kanser (polip)
- mengesan kanser pada peringkat awal

Memandangkan liputan saringan masih jauh dari optimum, langkah-langkah perlu diambil bagi mempertingkatkan liputan. Antara langkah yang dikenalpasti adalah menerapkan saringan iFOBT dalam kalangan sukarelawan KOSPEN.

2 OBJEKTIF AKTIVITI

2.1 Objektif Umum

Memberi pendedahan kepada Sukarelawan KOSPEN tentang kanser kolorektal serta kepentingan menjalankan ujian saringan dan pengesanan awal kanser kolorektal.

2.2 Objektif Khusus

- a. Mempertingkatkan kesedaran Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN serta melakukan ujian saringan iFOBT secara uji-sendiri.
- b. Membina keyakinan dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN untuk mempromosikan kepentingan saringan iFOBT kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan warga komuniti di lokaliti.

3 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Kriteria pemilihan sukarelawan

- i. Semua sukarelawan berumur antara 18 -75 tahun
- ii. Lelaki dan Wanita

3.2 Kaedah pelaksanaan aktiviti

Aktiviti Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan sukarelawan KOSPEN ini akan dilaksanakan oleh **Sektor NCD** di Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan (PKD/PKB/PKK) iaitu kerjasama antara **Sektor/Unit Kanser** dan **Sektor/Unit KOSPEN** PKD/PKB/PKK tersebut. Kerjasama daripada klinik kesihatan di lokaliti terpilih juga diperlukan untuk melaksanakan aktiviti ini.

3.2.1 Persediaan dan perancangan sebelum latihan (secara bersemuka)

- a) Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengenalpasti lokaliti-lokaliti di setiap daerah dan memilih lokaliti yang akan dilibatkan di dalam aktiviti Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal ini.
- b) Pegawai penyelaras kanser kolorektal dan pegawai iNCD di PKD/PKB/PKK (*team* NCD PKD) mengenal pasti sukarelawan-sukarelawan di dalam lokaliti KOSPEN yang terpilih dan biodata sukarelawan tersebut dimasukkan ke dalam *excel database* (rujuk **Lampiran A**) oleh pegawai penyelaras kanser kolorektal.
- c) Tarikh dan tempat yang bersesuaian untuk mengadakan taklimat dan latihan ditetapkan oleh *team* NCD PKD/PKB/PKK. Taklimat dan latihan boleh digabungkan untuk semua lokaliti-lokaliti yang terpilih di daerah.
- d) Pegawai iNCD menghantar *Whatsapp alert* kepada Ahli Jawatan Kuasa (AJK) atau *focal person* KOSPEN di lokaliti tersebut untuk memaklumkan kepada sukarelawan-sukarelawan supaya hadir ke sesi taklimat / Latihan berkenaan.

3.2.2 Bahan dan panduan diperlukan

Bahan dan panduan yang perlu disediakan dan diperlukan untuk melaksanakan aktiviti Saringan dan Pengesanan awal Kanser Kolorektal ini adalah seperti berikut:

- i. *Excel Database* (**Lampiran A**)
- ii. Carta Alir (**Lampiran B**)
- iii. Slaid taklimat dan latihan (disediakan oleh Unit Kanser, KKM)
- iv. Borang senarai semak saringan iFOBT (**Lampiran C**)
- v. Risalah maklumat tatacara persampelan najis dan iFOBT uji-sendiri (**Lampiran D**)
- vi. Borang surat rujukan ke klinik kesihatan untuk sukarelawan yang dikenalpasti mengalami gejala / berisiko tinggi (**Lampiran G**)
- vii. Kit iFOBT dibekalkan oleh KKM dan sekiranya tidak mencukupi, kit perlu diperolehi dari klinik kesihatan berdekatan
- viii. Tunjuk cara pengambilan sampel najis menggunakan tanah liat dan tunjuk cara iFOBT uji sendiri (jika perlu)

3.2.3 Taklimat dan Latihan

- i. Kehadiran sukarelawan direkodkan.
- ii. Taklimat disampaikan oleh Sektor/Unit Kanser PKD/PKB/PKK ataupun Pegawai Perubatan dari Klinik Kesihatan.


- iii. Setelah tamat sesi taklimat, sukarelawan dikehendaki untuk melengkapkan borang senarai semak saringan iFOBT dan berikan kepada pegawai-pegawai terlibat.
- iv. Seterusnya, sesi latihan dan tunjuk cara dijalankan.
 - Sukarelawan dipisahkan kepada beberapa kumpulan kecil dan tunjuk cara dilakukan menggunakan tanah liat dan kit iFOBT berpandukan tatacara persampelan najis yang disediakan.

3.2.4 Pelaksanaan saringan dan pengesanan awal kanser kolorektal

Dilakukan dengan menggunakan borang senarai semak yang diberi kepada semua sukarelawan berumur 18 hingga 75 tahun. Algoritma pelaksanaan Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal serta peranan adalah seperti berikut:

Algoritma pelaksanaan saringan

Peranan



Team NCD
PKD/PKB/PKK

Pegawai
penyelaras
kanser
kolorektal KK

Team NCD
PKD/PKB/PKK

Team NCD
PKD/PKB/PKK

Focal Person
KOSPEN di
lokaliti dan
Pegawai iNCD

Pegawai iNCD

Team NCD
PKD/PKB/PKK

*Golongan yang berumur 50-75 tahun, berisiko tinggi atau bergejala

3.3 Carta Alir Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal Dalam Kalangan Sukarelawan KOSPEN

Rujuk **Lampiran B** (m/s 10).

4 PERANAN

4.1 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

- i. Mengenalpasti lokaliti-lokaliti KOSPEN di daerah yang akan dilibatkan (50% daripada jumlah keseluruhan lokaliti/daerah)
- ii. Memantau pelaksanaan aktiviti Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan sukarelawan KOSPEN di lapangan
- iii. Memberi taklimat dan latihan kepada daerah
- iv. Mengumpul dan menyemak maklumbalas pelaksanaan menggunakan format reten yang disediakan (rujuk **Lampiran E**) dari semua daerah

4.2 Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan (PKD/PKK/PKB)

4.2.1 Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal PKD/PKK/PKB

- i. Mengenal pasti lokaliti-lokaliti KOSPEN yang telah dipilih oleh JKN
- ii. Mengenalpasti jumlah sukarelawan (bersama pegawai iNCD) dan merekodkan biodata sukarelawan di dalam *excel DATABASE*

- iii. Memberi taklimat / latihan kepada sukarelawan-sukarelawan KOSPEN
- iv. Melengkapkan *database* untuk tujuan rekod dan analisa (*database* ini disimpan oleh PKD/PKK/PKB)
- v. Mengumpul dan menyemak maklumbalas pelaksanaan menggunakan format reten yang disediakan (rujuk **Lampiran F**)

4.2.2 Pegawai iNCD

- i. Mengenalpasti jumlah sukarelawan setiap lokaliti dan memaklumkan kepada pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal.
- ii. Menyampaikan maklumat taklimat dan latihan kepada lokaliti-lokaliti KOSPEN yang dilibatkan.
- iii. Membantu / bekerjasama dengan Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal dalam sesi taklimat dan latihan.

4.3 Klinik Kesihatan (KK) / Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal KK

- i. Membekalkan kit iFOBT (sekiranya kit iFOBT sedia ada untuk sukarelawan KOSPEN tidak mencukupi)
- ii. Memberi temujanji kepada sukarelawan KOSPEN yang didapati bergejala/berisiko tinggi/positif iFOBT
- iii. Mengendalikan kes sukarelawan berdasarkan keputusan iFOBT/bergejala/berisiko tinggi serta urusan rujukan ke hospital untuk kolonoskopi

- iv. Memasukkan maklumat saringan ke dalam Buku Daftar Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal di KK bagi sukarelawan yang didapati bergejala, berisiko tinggi atau positif iFOBT. Catatkan 'Sukarelawan KOSPEN' di ruang catatan.

5 RETEN

5.1 Reten PKD/PKB/PKK

- i. Pegawai Penyelaras Kanser Kolorektal di PKD/PKB/PKK perlu menghantar reten ke JKN pada minggu pertama (Jumaat atau Khamis bagi Kelantan / Terengganu / Johor / Kedah)
- ii. Maklumat boleh dikongsikan dengan Pegawai Penyelaras KOSPEN di JKN

5.2 Reten JKN

- i. Pegawai penyelaras program kanser di JKN perlu menghantar reten kepada Ketua Jururawat, Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kanser (Unit Kanser) pada minggu ketiga (bersekali dengan reten kanser kolorektal sedia ada)
- ii. Maklumat dikongsikan dengan unit iKOMM di Ibu Pejabat

6 SASARAN

Berikut adalah sasaran untuk aktiviti Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN:

- i. Lokaliti KOSPEN dilibatkan di Daerah/Kawasan/Bahagian : **50%**
- ii. Sukarelawan berumur 50-75 tahun tanpa gejala dan tidak berisiko tinggi menjalani iFOBT uji-sendiri : **80%**
- iii. Sukarelawan dikenalpasti mempunyai gejala / berisiko tinggi / positif ujian iFOBT dirujuk ke KK : **80%**
- iv. Sukarelawan dirujuk ke KK hadir temujanji : **80%**

N/B: Untuk rujukan sukarelawan mempunyai sejarah keluarga terdekat disahkan menghidap kanser, usia sukarelawan hendaklah sekurang-kurangnya 10 tahun lebih muda dari umur saudara terdekat disahkan menghidap kanser ini

7 RUJUKAN

- a. *Malaysia National Cancer Registry Report (MNCR) 2012-2016*
- b. *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019*
- c. Panduan Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal Edisi 3, 2020
- d. *CPG Management of Colorectal Carcinoma, KKM (2017)*


8 LAMPIRAN

- Lampiran A : *Excel database* Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN
- Lampiran B : Carta Alir Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal Dalam Kalangan Sukarelawan KOSPEN
- Lampiran C : Borang Senarai Semak Saringan Dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal (Usus Besar) Dalam Kalangan Sukarelawan KOSPEN
- Lampiran D : Panduan Tatacara Persampelan Najis dan iFOBT Uji-Sendiri
- Lampiran E (i-iii) : Reten JKN
- Lampiran F (i-iii) : Reten PKD
- Lampiran G : *Template* surat rujukan ke Klinik Kesihatan untuk yang bergejala atau berisiko tinggi / sederhana

Carta Alir Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal dalam kalangan Sukarelawan KOSPEN

CARTA ALIR

PERANAN



*Masukkan maklumat biodata dan keputusan saringan sukarelawan yang terlibat di dalam excel database

**Team NCD PKD: pegawai iNCD dan pegawai penyelaras kanser kolorektal di PKD/PKB/PKK

*** Nasihat untuk menjalankan saringan di KK setelah umur 50 tahun dan sukarelawan perlu menasihatkan ahli keluarga yang berkelayakan untuk menjalankan saringan di KK



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK
SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL (USUS BESAR)
DALAM KALANGAN SUKARELAWAN KOSPEN
iFOBT UJI SENDIRI**

NAMA : **NO. KAD PENGENALAN :**

NAMA LOKALITI : **DAERAH :** **NEGERI :**

1. **Umur 50 - 75 tahun :** **ya / tidak**

2. **Sejarah penyakit (risiko tinggi):**

- i. Pernah disahkan mengalami polip usus (ketulan kecil di usus) : **ya / tidak**
- ii. Pernah disahkan mengalami penyakit radang usus (*inflammatory bowel disease*) seperti *Crohn's disease* atau *ulcerative colitis* : **ya / tidak**
- iii. Keluarga terdekat (ibubapa atau adik-beradik) pernah mengidap kanser kolorektal :
ya / tidak

Sekiranya ya, berapakah umur mereka semasa disahkan menghidap kanser ini : tahun

3. **Tanda dan gejala :**

- i. Sejarah mengalami darah dalam najis atau najis berdarah: **ya / tidak**
- ii. Perubahan ketara dalam tabiat pembuangan air besar (sembelit atau cirit- birit atau berselang seli antara cirit-birit dan sembelit) : **ya / tidak**
- iii. Sakit perut atau perut tidak berasa selesa yang berpanjangan dan berulang : **ya / tidak**
- iv. Ketulan yang ketara pada bahagian abdomen atau *anorectal*: **ya / tidak**

4. **Ujian saringan terdahulu, sekiranya ada.**

i. **iFOBT :** **ya / tidak**

Sekiranya ya, apakah keputusan yang diperolehi : **positif / negatif**

Tarikh (tahun) :

ii. **Kolonoskopi :** **ya / tidak**

Sekiranya ya, apakah keputusan yang diperolehi :

- a. Normal
- b. Polip usus (ketulan kecil)
- c. Buasir
- d. Lain-lain

| |
|--|
| |
| |
| |
| |

➤ Sekiranya ada jawapan 'ya' untuk soalan 2 dan 3 (berisiko tinggi atau bergejala), anda tidak perlu menjalani ujian iFOBT, tetapi perlu menjalani pemeriksaan lanjut di Klinik Kesihatan (KK).

➤ Sekiranya tidak ada jawapan 'ya' di soalan 2 dan 3 (tidak bersiko tinggi dan tidak bergejala) serta belum pernah menjalani ujian saringan iFOBT atau ujian iFOBT terdahulu adalah 2 tahun atau lebih, anda perlu menjalani ujian saringan iFOBT secara uji sendiri

PANDUAN TATACARA PERSAMPELAN NAJIS DAN iFOBT UJI SENDIRI

LANGKAH 1: PENGUMPULAN SAMPEL NAJIS



- A. Angkat tempat duduk mangkuk tandas dan letakkan kertas surat khabar / kertas tisu tandas secara melintang.



- B. Letakkan kembali tempat duduk mangkuk tandas



- C. Pastikan najis jatuh di atas kertas surat khabar / kertas tisu tandas tersebut. Jangan biarkan najis tercampur dengan air.




Tisu tandas




- D. Untuk tandas cangkung : Buang air besar dengan duduk membelakang. Letak tisu tandas di mangkuk tandas. Jatuhkan najis di atas kertas tandas tersebut

LANGKAH 2: PENGAMBILAN SAMPEL NAJIS DAN UJI SENDIRI

- A. Buka penutup botol sampel berisi cecair iFOBT melawan arah jam dan keluarkan kayu/plastik pensampelan dari botol.
 B. **!!** Jangan buang cecair dari dalam botol. Jangan campur dengan air atau air kencing.
 C. Cucuk najis menggunakan kayu/plastik pensampelan di beberapa tempat berbeza ATAU menggosokkan kayu/plastik pensampelan beberapa kali di atas permukaan najis.



atau



- D. Masukkan semula kayu/plastik pensampelan yang mempunyai sampel najis ke dalam botol sampel dan tutupkan semula botol tersebut dengan rapat dan ketat.
 E. Goyangkan botol sampel ke kiri dan kanan, dengan perlahan-lahan supaya sampel najis bercampur dengan cecair di dalam botol. (Perhatian: Jangan goncang botol sampel).



- F. Patahkan bahagian atas penutup botol sampel dan titiskan 2-3 titis cairan dari dalam botol yang telah bercampur sampel najis di ruang yang disediakan di atas kaset yang dibekalkan.
 G. Tunggu sebentar untuk keputusan. Jangkamasa dalam anggaran dalam 5 minit.
 H. Setelah mendapat keputusan ujian iFOBT (negatif atau positif), anda perlu memaklumkan keputusan tersebut kepada iNCD yang menyelaras KOSPEN di daerah dengan mengambil gambar keputusan ujian dan memaklumkan/menghantar gambar tersebut melalui telefon. ATAU membawa kaset ujian iFOBT tersebut kepada pegawai INCD berkenaan.



FORMAT RETEN JKN

**PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL
UNTUK SUKARELAWAN KOSPEN
iFOBT UJI-SENDIRI**

NEGERI:.....

Laporan Bulan:.....**Tahun:**.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh Negeri:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR (saringan): Lelaki dan Wanita 50 - 75 tahun tanpa mengalami sebarang gejala | | | |
|-----|--|---------------|----------------|---|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di Negeri |
| 2 | Jumlah Sukarelawan yang berumur 50-75 tahun yang layak disaring | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan melakukan saringan (iFOBT) | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan yang berumur 50-75 tahun yang layak disaring |
| 4 | Jumlah Sukarelawan yang didapati positif (iFOBT) | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan melakukan saringan (iFOBT) |
| 5 | Jumlah sukarelawan didapati negatif (iFOBT) | | | |
| 6 | Jumlah Sukarelawan tidak melakukan ujian / tidak memaklumkan keputusan iFOBT | | | |
| 7 | Jumlah Sukarelawan positif iFOBT setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan positif iFOBT |
| 8 | Jumlah Sukarelawan positif iFOBT enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | |

spaCRCgejala/JKN/KOSPEN-2022



FORMAT RETEN JKN

**PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL
UNTUK SUKARELAWAN KOSPEN
MENGALAMI TANDA DAN GEJALA**

NEGERI:.....

Laporan Bulan:.....Tahun:.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh Negeri:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR: Lelaki dan wanita (berumur 18 ≥ tahun) mengalami tanda dan gejala | | | |
|-----|--|---------------|----------------|---|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di Negeri |
| 2 | Jumlah Sukarelawan didapati mengalami tanda dan gejala | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan dikesan bergejala |
| 4 | Jumlah Sukarelawan enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | |

spaCRCberisiko/JKN/KOSPEN-2022



FORMAT RETEN JKN

**PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL
UNTUK SUKARELAWAN KOSPEN
BERISIKO TINGGI ATAU SEDERHANA**

NEGERI:.....

Laporan Bulan:.....Tahun:.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh Negeri:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR: Lelaki dan wanita berisiko tinggi atau sederhana | | | |
|-----|--|---------------|----------------|--|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di Negeri |
| 2 | Jumlah Sukarelawan dikesan berisiko tinggi atau sederhana | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan dikesan berisiko tinggi atau sederhana |
| 4 | Jumlah Sukarelawan enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | |



**FORMAT RETEN PKD/PKK/PKB
PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL UNTUK
SUKARELAWAN KOSPEN
IFOBT UJI SENDIRI**

NEGERI:.....

PKD/PKK/PKB:.....

Laporan Bulan:.....**Tahun:**.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh PKD/PKK/PKB:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR (saringan): Lelaki dan Wanita 50 - 75 tahun tanpa mengalami sebarang gejala | | | |
|-----|--|---------------|----------------|---|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di PKD/PKK/PKB |
| 2 | Jumlah Sukarelawan yang berumur 50-75 tahun yang layak disaring | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan melakukan saringan (iFOBT) | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan yang berumur 50-75 tahun yang layak disaring |
| 4 | Jumlah Sukarelawan yang didapati positif (iFOBT) | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan melakukan saringan (iFOBT) |
| 5 | Jumlah sukarelawan didapati negatif (iFOBT) | | | |
| 6 | Jumlah Sukarelawan tidak melakukan ujian / tidak memaklumkan keputusan iFOBT | | | |
| 7 | Jumlah Sukarelawan positif iFOBT setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | <i>Denominator:</i> Jumlah Sukarelawan positif iFOBT |
| 8 | Jumlah Sukarelawan positif iFOBT enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | |

spaCRCgejala/PKD/PKPK/PKB -KOSPEN-2022



**FORMAT RETEN PKD/PKK/PKB
PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL
UNTUK SUKARELAWAN KOSPEN
MENGALAMI TANDA DAN GEJALA**

NEGERI:.....

PKD/PKK/PKB:.....

Laporan Bulan:.....**Tahun:**.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh PKD/PKK/PKB:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR: Lelaki dan wanita (berumur 18 ≥ tahun) mengalami tanda dan gejala | | | |
|-----|--|---------------|----------------|--|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | Denominator: Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di PKD/PKK/PKB |
| 2 | Jumlah Sukarelawan didapati mengalami tanda dan gejala | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | Denominator: Jumlah Sukarelawan dikesan bergejala |
| 4 | Jumlah Sukarelawan enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | |

spaCRCberisiko/PKD/PKKK/PKB -KOSPEN-2022



FORMAT RETEN PKD/PKK/PKB
PROGRAM SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL
UNTUK SUKARELAWAN KOSPEN
BERISIKO TINGGI ATAU SEDERHANA

NEGERI:.....

PKD/PKK/PKB:.....

Laporan Bulan:.....Tahun:.....

Bilangan lokaliti KOSPEN di seluruh PKD/PKK/PKB:.....

| BIL | KUMPULAN SASAR: Lelaki dan wanita berisiko tinggi atau sederhana | | | |
|-----|--|---------------|----------------|--|
| | PERKARA | JUMLAH SEMASA | PERATUS SEMASA | CATATAN |
| 1 | Jumlah lokaliti menjalankan saringan | | | Denominator: Jumlah keseluruhan lokaliti KOSPEN di PKD/PKK/PKB |
| 2 | Jumlah Sukarelawan dikesan berisiko tinggi atau sederhana | | | |
| 3 | Jumlah Sukarelawan setuju dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | Denominator: Jumlah Sukarelawan |
| 4 | Jumlah Sukarelawan enggan dirujuk ke Klinik Kesihatan | | | dikesan berisiko tinggi atau sederhana |



**SARINGAN DAN PENGESANAN AWAL KANSER KOLOREKTAL SUKARELAWAN
KOSPEN
SURAT RUJUKAN KE KLINIK KESIHATAN**

Kepada,

Tarikh: _____

Pegawai Perubatan yang berkenaan

Klinik Kesihatan: _____

Daerah: _____

Negeri: _____

Tuan/Puan,

Sukarelawan KOSPEN berikut (nama) _____

No. Kad Pengenalan _____ didapati mempunyai

gejala kanser kolorektal / berisiko tinggi atau sederhana / positif ujian saringan *immunological Faecal Occult Blood Test (iFOBT). Tarikh temujanji beliau di klinik Tuan/Puan adalah pada _____.

Jasa baik Tuan/Puan adalah dipohon untuk melakukan *physical examination* dan seterusnya merujuk Sukarelawan KOSPEN ini ke hospital (SOPD/Gastro) untuk pemeriksaan lanjut termasuk prosedur kolonoskopi. Seperti pengurusan klien-klien Saringan dan Pengesanan Awal Kanser Kolorektal yang lain, Tuan/Puan juga dipohon untuk mendapatkan tarikh temujanji di hospital serta melakukan tindak susul kepada kes ini.

Segala kerjasama yang Tuan/Puan diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

""BERKHIDMAT UNTUK NEGARA""

Saya yang menjalankan amanah

Tandatangan dan cop

(Pegawai Perubatan Penyelaras Kanser Kolorektal atau iNCD KOSPEN Daerah)

*Potong yang tidak berkenaan



**KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

**CAWANGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

e ISBN 978-967-2469-44-5



9 789672 469445